

20 MAR 1999

DR MAHATHIR RASMI PROJEK TAMAN BUNGA RAYA BUKIT BERUNTUNG

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan kunci apartmen kos rendah, Apartmen Kenanga, projek perumahan Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung dekat sini.

Dr Mahathir juga melancarkan projek perumahan apartmen kos sederhana, Apartment Mawar, di projek perumahan yang dilaksanakan oleh Emkay Medan Prestasi Sdn Bhd, sebuah anak syarikat MKN Holdings Bhd.

Projek Taman Bunga Raya, yang dibangunkan di kawasan seluas 232.4 hektar itu apabila siap akan mempunyai 8,807 unit apartmen kos rendah, 6,600 unit apartmen kos sederhana-rendah, 3,460 unit apartmen kos sederhana, yang masing-masing dijual antara RM35,000 hingga RM80,000.

Taman Bunga Raya turut mengandungi 770 unit lot kedai dan komersil, serta dilengkapi kemudahan awam seperti sekolah, dewan serbaguna, surau, kelab rekreasi, kolam renang, taman riadah serta pusat penjagaan anak.

Perdana Menteri turut melawat Pusat Khidmat Setempat di situ yang antara lain menawarkan perkhidmatan dobi dan pengeringan pakaian, tapak projek dan rumah contoh.

-- BERNAMA

HS RON